

## TIGA PENIAGA DIKENAKAN TINDAKAN ATAS KESALAHAN BERKAITAN LPG

08:18pm 28/05/2020 Junaidi Ladjana



Tong LPG yang dirampas KPDNHEP dalam operasi di Tuaran. – Gambar SNT/Ihsan KPDNHEP

**KOTA KINABALU:** Tiga peniaga dikenakan tindakan undang-undang selepas didapati melakukan kesalahan berkaitan Gas Petroleum Cecair (LPG) di Tuaran, semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas berkata ketiga-tiga kes berkenaan dikesan ketika pemeriksaan bekalan di sekitar pekan Tuaran oleh pasukan penguatkuasa KPDNHEP cawangan Tuaran.

Katanya hasil operasi berkenaan, pihaknya berjaya merampas 119 tong LPG dan sebuah lori dengan anggaran nilai keseluruhan sebanyak RM39,050.

"Antara kesalahan yang disyaki dilakukan oleh peniaga adalah beroperasi sebagai pemberong LPG tanpa lesen borong LPG yang sah selepas lesen yang dimiliki tamat tempoh pada 31 Mei 2019.

"Selain itu, seorang lagi peniaga didapati memiliki LPG melebihi jumlah yang dibenarkan dalam Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual iaitu sebanyak 19 tong LPG berbanding kebenaran lesen hanya sebanyak 10 tong LPG," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Georgie berkata seorang lagi peniaga pula dikenakan kompaun RM2,500 kerana gagal meletakkan tanda harga pada LPG yang dijual.



Pegawai penguat kuasa KPDNHEP memeriksa tong LPG yang dirampas. – Gambar SNT/Ihsan KPDNHEP

Katanya semua kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Beliau menjelaskan, LPG adalah salah satu daripada Barang Kawalan Berjadual yang diwartakan mengikut undang-undang serta membabitkan nilai subsidi yang tinggi.

"Tidak ada mana-mana orang yang boleh berurus niaga Barang Kawalan Berjadual tanpa kebenaran Pengawal Bekalan," katanya.

Georgie berkata bagi kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, mana-mana orang yang disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat denda tidak melebihi RM2 juta manakala kesalahan gagal meletakkan tanda harga mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 pula, individu yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Hukuman denda bagi syarikat pula ialah tidak melebihi RM100,000. Semua peniaga diingatkan supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan KPDNHEP Negeri Sabah tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang mengambil kesempatan ke atas para pengguna," katanya. – SabahNewsToday

<https://www.sabahnewstoday.com/tiga-peniaga-dikenakan-tindakan-atas-kesalahan-berkaitan-lpg/>